

Satu bangsa Malaysia dapat diwujudkan

KUALA LUMPUR 25 Mac — Barisan Nasional (BN) yakin dapat mewujudkan satu bangsa Malaysia yang tidak mempunyai banyak perbezaan antara kaum termasuk dari segi budaya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, proses pembentukan satu bangsa Malaysia itu bagaimanapun akan mengambil sedikit masa.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua parti komponen BN supaya terus berusaha merapatkan lagi jurang perbezaan termasuk budaya yang semakin hari semakin hampir jurang perbezaannya.

"Perbezaan dari segi bahasa di kalangan kaum di negara ini tidak begitu ketara. InsyaAllah pada satu hari nanti ia akan menjadi kurang ketara dan pada ketika itu kita tidak perlu lagi membeza-bezakan antara

kita," katanya dalam ucapan penggulungannya di Konvensyen BN di PWTC di sini hari ini.

Pandangan

Dalam soal ini Perdana Menteri menolak pandangan bahawa undang-undang dapat menyatukan sesuatu kaum.

"Semua ini memakan masa, jangan kita fikir bahawa percantuman ini akan berlaku dengan sendiri secara kebetulan. Ia mesti dipupuk dan di sinilah peranan BN," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, selagi BN dapat memperjuangkan nasib negara dan bangsa kita, rakyat Malaysia akan semakin rapat, bersatu padu, pesat, harmoni dan semakin maju.

"Saya harap kita semua (ahli komponen BN) sampaikan mesej ini kepada semua rakyat Malaysia supaya mereka sedar bahawa BN hu-

kan berjuang untuk pangkat dan kuasa tetapi untuk mengabdikan diri kepada kehendak rakyat dan negara," katanya.

Mengenai pujian yang ditujukan kepadanya oleh hampir setiap pemimpin parti komponen BN yang berucap di konvensyen itu, Dr. Mahathir menganggapnya sebagai sokongan padu mereka terhadap pimpinannya.

"Ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia berbilang kaum masih dapat menerima satu kaum lain sebagai pemimpin kita semua, jika tidak ada penerimaan ini sukarlah BN bergerak dengan berkesan," katanya.

Beliau juga memberitahu terdapat di kalangan anggota BN yang sebelum ini menentang gabungan itu, tetapi kini menjadi penyokong kuat BN.